

# Raja Perlis utamakan pendidikan

Oleh BAZLI ABDUL RAHMAN  
um/170510/12/1/K/Perlis Soc

SEBAGAI seorang Raja yang menitikberatkan pendidikan rakyat, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail memberikan perhatian berat terhadap pertumbuhan sekolah rendah dan menengah serta institusi pengajian tinggi di Malaysia amnya dan Negeri Perlis khususnya.

Selepas Baginda dilantik sebagai Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis menggantikan ayahanda Baginda iaitu pada 17 April 2000, Kerajaan Persekutuan (atas hasrat dan keperluan untuk mewujudkan sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang berupaya menjana jurutera mahir bagi memenuhi keperluan Pelan Induk Perindustrian Negara) telah meluluskan penubuhan sebuah IPTA di utara tanah air.

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merupakan IPTA yang ke-17 ditubuhkan dan mula beroperasi pada 16 Februari 2002 dengan namanya pada ketika itu adalah Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM).

Penubuhan UniMAP memberi alternatif kepada pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktis memandangkan pendekatannya yang mengintegrasikan gunaan dan kemahiran.

Sebagai sebuah IPTA yang baru ditubuhkan pada ketika itu, Tuanku Syed Sirajuddin sentiasa memberikan kerjasama yang baik kepada UniMAP.

Sebagai tanda penghormatan dan demi menyelami hasrat Baginda selepas UniMAP beroperasi secara rasmi di bumi Perlis, majlis kunjung menghadap oleh pegawai-pegawai utama dan Ahli Lembaga Pengarah UniMAP pada masa itu telah diadakan pada 1 Ogos 2003 di Istana Negara, Kuala Lumpur iaitu semasa Baginda bersemayam di atas takhta sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-12.

Kunjung menghadap yang diketuai oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP yang pertama, Yang Berbahagia Datuk Ramli Abas dan Naib Canselor UniMAP (dikenali sebagai Rektor KUKUM pada masa tersebut), Brigadir Jeneral Datuk Profesor Dr. Kamarudin Hussin merupakan kunjung menghadap yang pertama selain membawa hajat untuk permohonan perkenan Baginda bagi pelantikan Canselor UniMAP.

Baginda dengan berbesar hati telah memberi perkenan agar anakanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang pada ketika itu merupakan Pemangku Raja Perlis dilantik sebagai Canselor UniMAP

Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail sebagai Canselor UniMAP.

Sejak detik itu, UniMAP terus menempa pelbagai kemajuan. Bermula dengan hanya tiga buah pusat pengajian, UniMAP terus berkembang dan telah memiliki sembilan buah pusat pengajian sehingga tahun 2010.

Jumlah penuntutnya pula turut bertambah daripada 116 orang ketika pengambilan pertama sehinggalah kini mencecah hampir 5,000 mahasiswa.

Jumlah staf pengurusan dan akademik turut bertambah selaras dengan kepesatan pembangunannya.

Pada masa ini, kampus UniMAP adalah bersifat bertaburan (*distributed*) di beberapa lokasi di Perlis seperti Kangar, Jejawi, Kubang Gajah, Kuala Perlis dan Padang Besar.

Kampus tetap UniMAP di Pauh yang seluas 420 hektar serta di Sungai Chuchuh, Padang Besar yang seluas 120 hektar pula secara keseluruhannya masih dalam peringkat pembangunan.

Tahun 2007 sekali lagi melakar sejarah manis buat seluruh warga UniMAP, IPTA ke-17 ini secara rasminya telah dinaiktaraf kepada universiti.

Tuanku Syed Sirajuddin turut tidak ketinggalan dalam meraikan peristiwa ini. Baginda telah mencemar duli menghadiri majlis penamaan semula KUKUM kepada Unimap pada 7 Februari 2007.

Ketika bertitah di majlis tersebut, Tuanku Syed Sirajuddin antara lain melahirkan rasa bangga serta berpuas hati dengan apa yang telah dicapai oleh UniMAP selama ini, sekali gus mengharumkan nama negeri Perlis.

Di samping itu, Baginda berharap pihak luar terutama kerajaan negeri dapat membantu dan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pembangunan universiti ini.

Baginda juga meminta seluruh mahasiswa agar terus memegang amanah ibu bapa dengan menumpukan kepada pengajian melalui bidang yang dipilih dan menjadikannya sebagai bekal untuk masa depan mereka.

Selepas menamatkan tempoh memegang jawatan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong dan kembali menaiki takhta negeri sebagai Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, Baginda sentiasa berkenan mencemar duli untuk hadir ke program-program anjuran UniMAP.

Pada 13 Mei 2009, satu detik bermakna dicatat dalam aspek pembangunan UniMAP apabila siapnya Stesen Penyelidikan Agroteknologi UniMAP yang terletak di Sungai Chuchuh.

Stesen Penyelidikan Agroteknologi itu telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin bersempena dengan sambutan ulang tahun hari kemerdekaan



RAJA Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail mendengar penerangan daripada pelajar UniMAP mengenai kajian mereka ketika Lawatan Kerja Raja Perlis. Turut kelihatan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Naib Canselor UniMAP, Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin (tiga dari kiri).

berharap agar UniMAP dapat menjalankan kajian dan penyelidikan untuk meningkatkan sektor pertanian di Perlis, termasuk meningkatkan kualiti mempelam Harumanis.

Baginda yakin dengan kemajuan yang dimiliki universiti ini, di samping peralatan, kepakaran dan tenaga profesional yang mencukupi segala masalah serangan makhluk perosak yang menjejaskan kualiti tanaman akan dapat diatasi.

Baginda juga yakin dengan adanya stesen penyelidikan ini, kajian dapat dijalankan dengan lebih baik untuk meningkatkan lagi kualiti dan pengeluaran hasil pertanian negeri.

Sebagai sebuah universiti yang semakin mengorak langkah, sokongan dan perkenan daripada penaung negeri seperti Baginda amatlah dialu-alukan dalam merealisasikan UniMAP sebagai sebuah universiti kejuruteraan dan penyelidikan bertaraf dunia.

Selain UniMAP, di Perlis juga memiliki beberapa buah lagi IPT bagi menjana pembangunan pendidikan yang bukan hanya untuk manfaat warga Perlis, tetapi pulangan besar juga diraih oleh rakyat seluruh negara.

Salah satu daripada IPT itu ialah Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) di Kilometer 25 Lebuhraya Changlun-Kuala Perlis.

PTSS itu pada mulanya beroperasi di kampus sementara di Kolej Komuniti Darulaman pada 16 Mei 2003, kemudian berpindah ke kampus tetap pada 16 Jun 2004 yang melibatkan pengambilan pertama pada sesi Julai 2004.

PTSS merupakan politeknik yang ke-18 di

Di antara jabatan yang diwujudkan di PTSS ialah Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Perdagangan, Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Hospitaliti.

Pada masa yang sama, dua jabatan sokongan telah ditubuhkan iaitu Jabatan Pengajian Am dan Jabatan Matematik, Sains & Komputer.

Selain daripada jabatan akademik, PTSS turut mempunyai Unit Pentadbiran, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Unit Peperiksaan, Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan, Unit Pembangunan & Penyelenggaraan, Unit Kualiti, Unit Kaunseling, Unit Sukan & Kokurikulum, Unit Perhubungan & Latihan Industri, Unit Multimedia & Intruksional dan Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

PTSS menawarkan program di peringkat Sijil (Dua tahun) dan diploma (tiga tahun) kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tawarannya terbuka kepada semua warganegara Malaysia.

Perlis juga memiliki Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perlis yang merupakan kampus cawangan UiTM yang terbesar dan antara yang tertua di Malaysia. UiTM ini mempunyai 7,326 mahasiswa.

UiTM yang terletak di Bandar Diraja Arau iaitu 13 kilometer dari bandar Kangar itu merupakan kampus UiTM pertama yang menyertai Gaasan, IMT-GT (Indonesia, Malaysia, Thailand-Pembangunan Segi Tiga)

UiTM Perlis mempunyai enam kolej siswi iaitu Kolej Dahlia 1, Kolej Dahlia 2, Kolej Kesinai 1, Kolej Kesinai 2, Kolej Kesinai 3 dan Kolej Kesinai 4 manakala kolej siswa pula

Diripada segi fakulti pula, ia mempunyai tujuh fakulti yang menyediakan 28 program pengajian meliputi sembilan ijazah dan 19 diploma.

Antara fakulti tersebut ialah Sains Gunaan, Perakaunan, Pengurusan Perniagaan, Kejuruteraan Awam, Sains Sukan & Rekreasi, Sains Komputer & Matematik serta Seni Bina Perancangan & Ukur.

Perlis juga mempunyai Kolej Matrikulasi Perlis (KMP). Ia merupakan salah satu usaha Kementerian Pelajaran untuk menyeragamkan semua program matrikulasi yang sebelum ini dikendalikan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

KMP adalah sebuah kampus yang moden dan mempunyai kelengkapan terkini selaras dengan hasrat dan cita-cita murni Falsafah Pendidikan Negara.

KMP menawarkan kursus-kursus dalam bidang sains dan sastera iktisad di samping kursus-kursus elektif ke arah melahirkan pelajar yang cemerlang.

Di sini juga terdapat Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis (IPTIPs) iaitu sebuah institusi pengajian milik penuh Yayasan Islam Perlis (YIPs).

Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail amat mengambil berat terhadap IPTIPs sejak ia berfungsi sebagai sebuah institusi pendidikan mulai 1998.

IPTIPs mula beroperasi setelah mendapat perakuan pendaftaran pada 20 April 1998. Berikutnya itu, beberapa jawatankuasa dibentuk bagi memastikan IPTIPs beroperasi dalam keadaan yang mantap, teguh dan dipercayai.

Jawatankuasa berkenaan ialah Jawatankuasa Merangka Kurikulum, Jawatankuasa Pakar Menyemak Kurikulum dan Jawatankuasa Pengelola. Keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada pakar-pakar dalam pelbagai bidang di peringkat negeri, kebangsaan dan luar negara.

Perlis juga memiliki Maktab Perguruan Perlis (MPP) yang dibina pada tahun 1996 dan dirasmikan pada tahun 1999. Institusi yang terletak di Jalan Behor Pulau itu boleh menampung kira-kira 1,200 orang bakal guru.

Visi MPP ialah sebagai institut pengajian tinggi unggul meneraju kecemerlangan pendidikan guru yang memenuhi aspirasi Kementerian Pelajaran.

Misinya pula ialah melaksanakan program pendidikan guru untuk melahirkan guru profesional, kompeten (dapat menjalankan tugas dengan sempurna) dan berwatak yang bersedia menjunjung aspirasi Kementerian Pelajaran Malaysia serta menyanjung warisan budaya Negara.